



Original Article

Cadangan Modul Zikir untuk Amalan Kanak-kanak Autistik Muslim

Planning a Dhikr Module for Muslim Autistic Children Practices

Mohd Syukri Zainal Abidin^a, Che Zarrina Sa’ari^{a*} & Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman^a

^aDepartment of Aqidah and Islamic Thought, University of Malaya, Malaysia

* Corresponding author, email; zarrina@um.edu.my

ABSTRACT

A variety of approaches used by the centers of autism in dealing with autistic children. However, the Academi Fakih Intelek (AFI) in collaboration with the Center of Quranic Research (CQR), University of Malaya has conducted researches on Islamic religious approach to autistic children. AFI is a center of study of the Quran and prayer are trying to open up opportunities for children and adults with autism like to approach the Quran. Although it is not classified as a treatment center, but the greatness of the Quran as a bidder is able to assist the learning of this group. This article proposes a dhikr module that can be practiced by autistic children. This module is formulated based on the collection of data documenting the books of hadith such as the works of scholars and research findings of contemporary researchers. Interviews three teachers in the field of Sufism are to solicit comments and suggestions for improvements. Finally, it can be concluded that dhikr from this module can be applied to autistic children and be able to help address the problems faced by autism.

Keywords: Module; Dhikr; Remembrance; Autism; Autistic; Muslim.

Pendahuluan

Baru-baru ini telah keluar di dada akhbar Berita Harian, media utama di Malaysia berkaitan kejayaan remaja yang menghadapi autisme dalam menghafaz al-Quran. Kejayaan itu berdasarkan rentetan kecemerlangan yang diukur secara berterusan sejak dari sekolah rendah dan sekolah menengah lagi.¹ Rekod ini telah mengulang kembali sejarah pencapaian yang dilakukan oleh seorang pelajar yang diumumkan pelajar autisme pertama di negara mendapat kejayaan 9A dalam peperiksaan pada tahun 2011.² Selain itu, PERMATA Kurnia telah mengangkat dua orang kanak-kanak iaitu Umar Hasfizal dan Clarence Kang sebagai tokoh dalam

¹ Haryani Ngah, "Remaja Autisme Hafaz al-Quran", *Berita Harian*, 10 Februari 2017, 3.

² "Penulis tidak diketahui", "Muhammad Danial Pelajar Autisme Pertama Negara Dapat 9A", laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 23 Februari 2017, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1223&pub=Utusan_Malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe_03.htm.

kalangan penghidap autisme.³ Di dunia, terdapat ramai tokoh-tokoh berjaya yang boleh disenaraikan sebagai seorang autistik seperti Temple Grandin, seorang perempuan yang menghidapi autisme, namun beliau memiliki Ijazah Kedoktoran dalam bidang Sains Haiwan⁴ begitu juga Albert Einstein, Bill Gates dan ramai lagi. Ini menunjukkan meskipun mereka terkategorikan dalam kalangan orang yang mempunyai masalah dalam pembelajaran, mereka tetap mempunyai hak dan peluang untuk berjaya seperti kanak-kanak tipikal atau normal yang lain.

Di Malaysia, menurut garis panduan pendaftaran OKU yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM), seramai 531,962 pendaftaran (OKU) yang direkodkan pada tahun 2014. Peratus OKU mengikut kategori kecacatan adalah seperti masalah pembelajaran sebanyak 35%, fizikal 33%, pendengaran 12%, penglihatan 9%, pelbagai 5%, mental 5% dan pertututuran 1%. Jumlah mereka yang menghadapi gangguan pembelajaran paling tinggi dan melahirkan kebimbangan seterusnya perlu diatasi. Austime dan Sindrome Down merupakan antara yang dikategorikan sebagai mereka yang mempunyai masalah pembelajaran.⁵ Suatu dapatan kajian terbaru yang dilakukan oleh Amerika pada 2015 mendapati bahawa nisbah bagi kanak-kanak yang mengalami gejala autisme adalah 1:45. Pertambahan ini semakin meningkat berbanding rekod yang disimpan oleh Centers for Disease Control and Prevention (CDC) sebanyak 1:68.⁶ Manakala di Malaysia pula, melalui hasil kajian Kementerian Kesihatan Malaysia, statistik yang dikeluarkan pada tahun 2004 menunjukkan bahawa bahawa pravelens *Autism Spectrum Disorder* (ASD) adalah seorang bagi setiap 600 kelahiran.⁷ Berdasarkan hasil kajian tersebut juga, sehingga tahun 2012, dianggarkan seramai 47000 jumlah penduduk Malaysia adalah ASD⁸ dan seramai 12,785 orang dewasa dan kanak-kanak autisme telah didaftarkan melalui Sistem Pengurusan Maklumat Orang Kurang Upaya (Smoku) sehingga Mac 2016.⁹

³ Pusat autisme ini merupakan sebuah pusat yang dapat menyediakan kemudahan terbaik dan persekitaran pembelajaran yang kondusif kepada kanak-kanak autisme dan keluarga mereka di samping untuk meningkatkan kesedaran tentang autisme dan menyediakan perkhidmatan intervensi awal kepada kanak-kanak autisme bagi mengembangkan potensi mereka sepenuhnya dan menyediakan mereka untuk pendidikan di aliran perdana. Sila rujuk "Tokoh-tokoh Autisme", laman sesawang Program Permata, dicapai 23 Februari 2017, <http://www.programpermata.my/bm/kurnia/leading-figures-in-autism>.

⁴ Gerald. C. Davinson, John Mason Neale dan Ann M. Kring, *Abnormal Psychology*, ed. ke-9 (United States of America: John Wiley & Sons, Inc., 2004), 512.

⁵ Sila rujuk "Garis Panduan Pendaftaran Orang Kurang Upaya", laman sesawang Jabatan Kebajikan Masyarakat, dicapai 29 Januari 2016, <http://www.jkm.gov.my/images/stories/pdf/garispanduanppendaftaranoku.pdf>. Boleh lihat juga di laman sesawang Portal Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia, dicapai 23 Februari 2017, <http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/116>.

⁶ Sila rujuk "Leading Autism Organization's Statements on New Prevalence Report", laman sesawang *Autism Speaks*, dicapai 23 Februari 2017, <https://www.autismspeaks.org/news/news-item/leading-autism-organization039s-statements-new-prevalence-report>.

⁷ Makmal ASD, Fakulti Pendidikan, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014).

⁸ Sila rujuk "Bantu Kanak-kanak Autisme Berjaya", laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 23 Februari 2017, <http://www.utusan.com.my/gaya-hidup/keluarga/bantu-kanak-kanak-autisme-berjaya-1.377222>.

⁹ Sila rujuk "12785 Golongan Autisme Berdaftar Dengan KKM", laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 23 Februari 2017, <http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/12-785-golongan-autisme-berdaftar-dengan-jkm-1.219119>.

Pertambahan insiden autisme ini adalah disebabkan oleh termanya diperluaskan kepada empat keceluaran perkembangan seperti Sindrom Asperger, Sindrom Rett, Childhood Disintegrative Disorder (CDC) dan *Pervasive Developmental Disorder* (PDD).¹⁰ Berdasarkan peningkatan kadar kanak-kanak yang dilahirkan dalam keadaan autisme, semua pihak khususnya ibu bapa perlu memainkan peranan penting dalam menangani gejala ini. Sehingga hari ini, tiada penawar yang khusus untuk merawat keceluaran spektrum ASD, namun intervensi awal boleh dilakukan sebagai usaha untuk meningkatkan nilai dan kualiti hidup penghidapnya melalui kemahiran-kemahiran tertentu yang diperlukan.¹¹

Pendekatan dalam Menangani Kanak-kanak Autism

Intervensi awal ialah satu proses membekalkan perkhidmatan, pendidikan dan sokongan kepada kanak-kanak yang berisiko atau yang mengalami kelambatan dalam perkembangan fizikal atau mental yang akan mempengaruhi perkembangan dan menghalang pembelajaran. Perkhidmatan atau program intervensi awal yang disediakan adalah untuk memenuhi keperluan kanak-kanak dan keluarga yang berkeperluan khas dalam bidang perkembangan, iaitu perkembangan fizikal, kognitif, komunikasi, sosial, emosi dan adaptasi melalui pelbagai terapi atau perkhidmatan, seperti terapi cara kerja, terapi fisio, terapi pertuturan dan khidmat sokongan untuk keluarga.¹² Kajian-kajian telah dijalankan terhadap amalan intervensi yang sesuai kepada kanak-kanak autistik sejak masa kebelakangan ini, seperti Applied Behaviour Analysis (ABA)¹³, Discrete Trial Training¹⁴, dan Picture Exchange Communication System (PECS)¹⁵.

Menurut Liew Ping Yee dan Manisah Mohd Ali, program intervensi awal memainkan peranan yang sangat penting bagi kanak-kanak autistik, terutamanya tempoh umur di antara 0 hingga 6 tahun. Dapatkan kajian telah mendedahkan bahawa perubahan telah ditunjukkan oleh kanak-kanak autistik setelah intervensi dilakukan tanpa mengira jenis intervensi meskipun terapi pertuturan merupakan intervensi yang paling banyak diterima oleh kanak-kanak autistik. Di samping itu, komunikasi augmentatif juga ditekankan jika dibandingkan dengan intervensi lain seperti latihan ibu bapa, terapi cara kerja, sokongan tingkah laku, latihan percubaan diskrit, sokongan sosial dan perkhidmatan inklusif. Namun didapati intervensi sokongan sosial, sokongan tingkah laku dan perkhidmatan inklusif kurang diterima oleh kanak-kanak autistik.

¹⁰ Zuraini Yaakub dan Zuliza Mohd Kusrin, "Simptom Lazim Remaja Autistic Spectrum Disorders (ASD)", *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 12, (2016), 12-23.

¹¹ Hood Mohamad Salleh dan Hasnah Toran, *Do You Know Autism*, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012).

¹² Adrian D. Sandler et al., "Role of The Pediatrician in Family-centered Early Intervention Services", *Pediatrics* 107, no. 7, (2001), 1155.

¹³ Sandra L. Harris dan Jan S. Handleman, "Age and IQ at Intake as Predictors of Placement for Young Children With Autism: A Four to Six-Year Follow-Up", *Journal of Autism and Developmental Disorders* 30, no. 2, (2000), 137-142.

¹⁴ John J. McEachin, Tristram Smith dan O. Ivar Lovaas, "Long-Term Outcome for Children With Autism Who Received Early Intensive Behavioural Treatment", *American Journal on Mental Retardation* 97, no.4, (1993), 359-372.

¹⁵ Marjorie H. Charlop-Christy et al., "Using The Picture Exchange Communication System (PECS) With Children With Autism: Assessment of PECS Acquisition, Speech, Social-Communicative Behavior and Problem Behavior", *Journal of Applied Behavior Analysis* 35, no.3, (2002), 213-231.

walaupun mereka mengalami defisit dalam kemahiran komunikasi dan sosial serta masalah tingkah laku.¹⁶

Di Malaysia terdapat beberapa badan atau institusi yang mengambil berat berkaitan permasalahan autisme seperti *The National Autism Society of Malaysia (NASOM)*, Institut Masalah Pembelajaran dan Autisme (The IMPIAN Institute), Autism Link Malaysia dan Persatuan Autisme Muslim Malaysia atau dikenali juga sebagai Autisme Malaysia.. Bukan itu sahaja, terdapat juga pusat pendidikan yang menjalankan kajian berkaitan dengan kanak-kanak autisme. Antaranya, di Universiti Kebangsaan Malaysia terdapat Makmal Pembelajaran Autisma UKM, PRINCE Child Care Centre, Universiti Sains Malaysia dan Akademi Fakih Intelek (AFI) yang berkolaborasi dengan Centre of Quranic Research (CQR) atau Pusat Kajian Al-Quran, Universiti Malaya. Ini membuktikan anak-anak teristimewa ini mendapat tempat dalam masyarakat bagi membimbing mereka ke arah kehidupan yang cemerlang. Selain itu, terdapat juga suatu alternatif yang disediakan dalam dunia perubatan Islam. Contohnya, di Pusat Rawatan Islam Al-Hidayah, keluarga pesakit autisme akan diberi beberapa potongan ayat-ayat al-Quran untuk diamalkan, disertai doa untuk memohon penyembuhan.¹⁷

Terdapat kajian yang melibatkan pendekatan agama Islam yang diterapkan kepada kanak-kanak autistik melalui membaca al-Quran dan *ruqyah*. Al-Quran perlu diajar kepada kanak-kanak autistik meskipun mereka mempunyai kekurangan dari aspek mental atau neuro-perkembangan yang terganggu. Ini kerana mereka mempunyai hak untuk menjadi muslim yang sempurna. Al-Quran sebagai kitab yang mempunyai mukjizat dan keajaiban yang pelbagai secara tidak langsung dapat membantu memulihkan serta memperbaiki keadaan diri kanak-kanak autistik. Namun demikian, antara perkara yang perlu dititikberatkan dalam berhadapan dengan mereka adalah seperti proses pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan kadar pemahaman dan penerimaan tanpa mendatangkan beban terhadap mereka. Memandangkan setiap kanak-kanak autistik dilahirkan dalam keadaan yang berbeza lagi unik, kepelbagai teknik, kaedah, gaya dan pendekatan sangat diperlukan dalam memastikan mereka terus berminat dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Kemajuan dan perkembangan teknologi dunia pada hari seperti Ipad, tablet, komputer dan lain-lain boleh dijadikan sebagai bantuan mengajar.¹⁸

Terapi melalui bunyi-bunyian seperti muzik mampu memberi kesan dalam mengembalikan ingatan seorang Alzheimer dan membentuk ingatan kekal sekiranya diulang beberapa kali. Bukan itu sahaja, muzik juga berperanan sebagai terapi emosi seseorang. Namun begitu, bacaan al-Quran berupaya menjana gelombang EEG seterusnya menghasilkan ketenangan yang tinggi berbanding dengan aktiviti mendengar muzik. Justeru, di sini dapat disimpulkan bahawa Al-Quran juga sesuai untuk diperdengarkan kepada kanak-kanak autistik sebagai terapi bagi ingatan dan pertuturan.¹⁹ Bukan itu sahaja, al-Quran juga berperanan

¹⁶ Liew Ping Yee dan Manisah Mohd Ali, "Amalan Program Intervensi Awal Kanak-Kanak Autistik Mengikut Perspektif Ibu Bapa", *Jurnal Pendidikan* 33, (2008), 19 – 33.

¹⁷ Sila lihat "Autisme", laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 23 Februari 2017, http://www1.utusan.com.my/utusan/Kesihatan/20130224/kn_04/Autisme#ixzz3JafaEAVR.

¹⁸ Siti Patonah Mohamad, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff dan Durriyyah Sharifah Hasan Adli, "Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran Bagi Golongan Kelainan Upaya Mental: Analisis dari Sumber Tradisi Islam", *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 8, (2014), 153-168.

¹⁹ Siti Patonah Mohamad, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff dan Durriyyah Sharifah Hasan Adli, "Terapi Bunyi Melalui Bacaa al-Quran bagi Mengatasi Emosi dan Kemahiran Motor Pertuturan Kanak-kanak Autistik", *International Journal of Quranic Research* 5, no. 2, (2015), 53-72.

sebagai intervensi dalam menangani gangguan tidur kanak-kanak autistik. Kualiti tidur yang baik dijangka dapat membantu memulihkan fizikal, kognitif dan emosi kanak-kanak autistik seterusnya menurunkan simptom negatif yang ada pada diri mereka.²⁰

Selain pendekatan berteraskan bacaan ayat al-Quran, zikir juga antara alternatif lain yang boleh diaplikasikan terhadap kanak-kanak autistik memandangkan ia bukan sahaja mudah untuk diamalkan bahkan terbukti dalam menyelesaikan pelbagai masalah. Konsep zikir yang luas boleh diterapkan dalam apa jua kaedah perubatan seperti urutan, aliran elektrik, refleksiologi, bekam, akupuntur, ramuan herba, senaman, pengolahan pernafasan, dan lain-lain.²¹ Baru-baru ini muncul gabungan kaedah rawatan Islam dan terapi zikir elektrik dalam menangani masalah dadah dan juga penyakit-penyakit yang lain.²² Bukan itu sahaja, zikir juga merupakan elemen utama dalam Modul Inabah yang yang diamalkan di Pusat Inabah Suryalaya, Indonesia dan kemudiannya disebarluaskan di Baitul Taubah, Pondok Remaja Inabah²³ dan terbaru diperluaskan lagi ke dua Pusat Pemulihan Jagaan dan Rawatan (CCRC) Perlop, Sungai Siput, Perak dan CCRC Tiang Dua, Melaka, di samping CCRC Sungai Ruan, Raub, Pahang yang sudah lama dipraktikkan.²⁴

Perbahasan Mengenai Zikir

Zikir pada umumnya ialah mengingati Allah dalam pelbagai tindakan merangkumi setiap masa, di mana-mana, dengan sesiapa sama ada bersendirian, berkumpulan, menaiki kenderaan, sedang makan, berehat, melihat pandangan, bersiar-siar, bersukan, dalam keadaan kesedihan dan sebagainya. Zikir membawa makna memelihara sesuatu, menyebut dengan lidah, menyebut dengan hati, mengingati semula dan mempelajari.²⁵ Ia merupakan perbuatan mengingati Allah (s.w.t.) dengan menyebut atau mengucap kalimah tayyibah seperti *Astaghfirullah*, *Allah Akbar*, *La ilaha illa Allah* sama ada dengan lidah (secara kuat) atau dalam hati (secara senyap) secara berulang kali. Istighfar, membaca al-Quran, selawat ke atas nabi, doa serta solat juga termasuk dalam takrifan zikir.²⁶ Semasa proses melafazkan perkataan zikrullah, neuron otak yang terdiri daripada

²⁰ Mohd Amzari Tumiran et al., "Intervensi Tidur Menggunakan Terapi al-Quran dalam Menangani Gangguan Tidur Kanak-kanak Autistik Muslim" dalam *Tajdid in Qur'anic Studies*, ed. Sedek Ariffin, Khadher Ahmad dan Ishak Hj Sulaiman (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2014), 225-238. Lihat juga Mohd Amzari Tumiran et al., "Adressing Sleep Disorder of Autistic Children with Qur'anic Sound Therapy", *Health* 5, no. 8A2, (2013), 73-79.

²¹ Abdul Djalil, "Metode dan Amalan Perubatan Alternatif Menggunakan Zikir dan Doa: Kajian Khusus di Kota Surabaya, Indonesia", (tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012).

²² Nurul Zaila Mohd Tahir, "Zikir Elektrik Rawat Penagih Dadah", laman sesawang *Sinar Online*, dicapai pada 23 Februari 2017, <http://www.sinarharian.com.my/edisi/terengganu/zikir-elektrik-rawat-penagihan-dadah-1.603209>.

²³ Sabir Abdul Ghani dan Fadzli Adam, "Pemulihan Dadah Menurut Perspektif Agama di Malaysia", *Jurnal Hadhari* 6, no.1, (2014), 75-85.

²⁴ Rabi'atul 'Adawiyah Ismail, "Rawatan Modul Inabah", laman sesawang *Metro*, dicapai pada 23 Februari 2017, <http://www.hmetro.com.my/node/207632>.

²⁵ Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1992), 4:308.

²⁶ *Kamus Dewan*, ed. ke-4, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), 1816. Lihat juga Haji Ali Haji Mohamed, *Kunci Memahami Tasawuf* (Batu Caves: Masterpiece Publications Sdn. Bhd., 2006), 131. Kenyataan sama juga diambil daripada Haji Sa'ari Hussin (Khalifah Tarekat Ahmadiyah dan mursyid di Pusat Tarbiyah Surau Haji Awang Alim, Kota Bharu, Kelantan), dalam temubual dengan

lebih kurang 14 juta saraf akan menjadi aktif seterusnya berinteraksi dengan 16 juta saraf tubuh yang lain.

Terdapat kajian tentang hubungan zikir dengan kesembuhan, hubungan zikir dengan terapi mental, hubungan zikir dengan ketenangan fikiran yang telah dilakukan dengan menggunakan sokongan sains dan teknologi. Namun, hasil dapatan kajian membuktikan bahawa kajian tersebut memperlihatkan keunggulan zikir dalam mempengaruhi gelombang otak, getaran jantung, mengaktifkan saraf anak dalam kandungan dan memberi kesan kepada tumbuhan. Bukan itu sahaja, dengan berzikir juga dapat menimbulkan gelombang elektromagnetik yang bersifat positif yang menyihatkan tubuh.²⁷ Selain itu, terdapat juga satu dapatan berhubung kesan zikir yang menjadi bukti bahawa ia akan menurunkan spektrum *Very Low Frequency* (VLF) yang dikaitkan dengan keadaan tertekan, kecewa, marah dan resah, kemudian meningkatkan spektrum *Low Frequency* (LF) yang dikaitkan dengan ketengangan, kelapangan, gembira dan dihargai. Ini bermakna hati yang negatif akan bertukar menjadi positif selepas berzikir.²⁸ Bukan itu sahaja, menurut Haji Shaifudin, pernah ada seorang ahli Kardialogi, pakar merawat jantung mengatakan bahawa denyutan jantung pesakit yang dibedah mengikut zikir yang dibaca *Allahu Allah* dalam hati. Keajaiban dengan berzikir dapat dikesan apabila orang yang sudah koma akibat penyakit jantung, sebelum dia koma dia membaca zikir selama dua hingga tiga hari tanpa putus, kemudian setelah dia sedar, doktor melakukan pemeriksaan atau scan dan mendapati jantung pesakit tersebut melahirkan satu injap jantung yang baru.²⁹

Modul Zikir-zikir Pilihan yang dicadangkan untuk diamalkan Terhadap Kanak-kanak Autistik

Pengumpulan serta penyusunan zikir berdasarkan tiga sumber iaitu pertama zikir yang diambil berdasarkan hadith-hadith nabi dari *Kutub al-Sittah* seperti *Sahih al-Bukhari*, *Sahih al-Muslim*, *Sunan al-Sughra*, *Sunan Abu Dawud*, *Jami' al-Tirmizi* dan *Sunan Ibnu Majah*, kemudian, zikir dikumpulkan berdasarkan karya ulama' silam seperti *al-Ma'thurat*, *al-'Azkar*, *Fiqh al-Ad'iyah wa al-Adhkar*, *Ihya' Ulumiddin*, *Qutt al-Qulub*, seterusnya zikir dilihat dari aspek amalan institusi tarekat seperti Ahmadiyah, Qadiriyyah Naqsyabandiyah dan Naqsyabandiyah Khalidiyah serta kajian penyelidik kontemporari seperti Khairunnas Rajab, Amin Syukur, Sharifah Basirah Syed Muhsin, Rusydi Ramli al-Jauhari dan Haliza Hj. Aris.

penulis, 29 Disember 2016. Takrifan yang sama dilakukan oleh Haji Jahid Sidek (Syeikh Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah, pengasas Pusat Rawatan Islam Manarah, Selangor dan Pengurus Persatuan Kebajikan Bina Budi Malaysia) dalam temubual dengan penulis, 17 Januari 2017.

²⁷ Agus Mustofa, *Pusaran Energi Ka'bah* (Sidoarjo: PADMA, 2004), 119-120.

²⁸ Muhammad Nubli Abdul Wahab, *Kit Zikir untuk Remaja Cemerlang* (Kuantan: Universiti Malaysia Pahang, 2015), 37-39.

²⁹ Haji Shaifudin Haji Maulup (Wakil Talqin Tarekat Qadiriyyah Naqsyabandiyah dan Pengetua, Pondok Inabah Malaysia, Negeri Sembilan), dalam temubual dengan penulis, 25 Disember 2016.

Jenis	Zikir
Istighfar	<p>أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُ الْقَيُومُ³⁰ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ³¹</p> <p>أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْحَيُ الْقَيُومُ وَأَسْأَلُكَ التَّوْبَةَ³²</p> <p>أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ³³</p> <p>أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ رَبِّي مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ³⁴</p> <p>أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ أَنَّ اللَّهَ كَانَ تَوَابًا³⁵</p> <p>اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ حَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَى عَبْدِكَ وَوَعَدْكَ مَا اسْتَطَعْتُ ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ أُبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَى وَأَبُوءُ بِذَنبِي فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّمَا لَا يَعْفُرُ الدُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ³⁶</p> <p>أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُ الْقَيُومُ غَفَارُ الذُّنُوبِ ذَالْجَلَلِ وَالْأَكْرَامِ وَالْأَوْبُرُ إِلَيْهِ مِنْ جَمِيعِ الْمَعَاصِي كُلُّهَا وَالذُّنُوبُ وَالآثَامُ وَمَنْ كُلَّ ذَنْبٍ أَدْبَثَهُ عَدْمًا وَخَطَا ظَاهِرًا وَبَاطِنًا فَوْلًا وَفَعْلًا فِي جَمِيعِ حَرَكَاتِي وَسَكَنَاتِي وَخَطَرَاتِي وَأَنْفَاسِي كُلُّهَا دَائِمًا أَبْدَا سَرْمَدًا مِنَ التَّنَبُّعِ الَّذِي أَعْلَمُ وَمِنَ النَّبْعِ الَّذِي لَا أَعْلَمُ عَدَدًا مَا أَحَاطَ بِهِ الْعِلْمُ وَأَحْصَاءُ الْكِتَابِ وَخَطْهُ الْقَلْمَ وَعَدَدُ مَا أُوجَدَتِهِ الْفُدْرَةُ وَخَصَصَتِهِ الْإِرَادَةُ وَمَدَادُ كَلِمَاتِ اللَّهِ كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَلِ وَجْهِ رَبِّنَا وَجَمَالِهِ وَكَمَا يُحِبُّ رَبِّنَا وَيُرْضِي³⁷</p>
Tahmid	الْحَمْدُ لِلَّهِ ³⁸
Tasbih	<p>سَبَحَنَ اللَّهُ وَبِحَمْدِهِ سَبَحَنَ اللَّهُ الْعَظِيمِ وَبِحَمْدِهِ³⁹ لَا حُولَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ⁴⁰</p> <p>سَبَحَنَ اللَّهُ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ⁴¹ وَتَبَارَكَ اللَّهُ⁴²</p>
Takbir	اللَّهُ أَكْبَرُ ⁴³
Tahlil	لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ⁴⁴

³⁰ Kadang-kadang tambah lafaz وأَسْأَلُكَ التَّوْبَة Al-Makki, *Qut al-Qulub fi Mu'amalat al-Mahbub wa Wasf Tariq al-Murid ila Maqam al-Tawhid*, (Misr: al-Matba`at al-Maymaniyah, 1990).

³¹ Al-Tirmizi, *Sunan al-Tirmizi*, Kitab al-Da'awat, Bab Minhu, no. 3397, (Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashri wa al-Tawzi', t. t.), 771.

³² Al-Makki, *Qut al-Qulub*.

³³ Zikir Tarekat Qadariyah Naqsyabandiah

³⁴ Zikir Tarekat Qadariyah Naqsyabandiah

³⁵ Zikir Lima Belas oleh Tarekat Ahmadiyah

³⁶ Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, Kitab al-Da'awat, Bab Afdhalu Istighfar, no. Hadith 6306 , (Beirut: Dar Ibn Kathir, 2002), ms 1573. Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, Kitab al-Dua', Bab Ma Yad'u bi al-Rajulu Iza Ashbaha wa Iza Amsa, no. Hadith 3872, (al-Qahirah: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, 1952), 1273.

³⁷ *Istighfar al-Kabir* dari tarekat Ahmadiyah.

³⁸ Al-Naml 59 & 93, al-Isra' 111. Imam al-Tirmizi, *Sunan al-Tirmizi*, Kitab al-Da'awat, Bab Ma Ja'a 'An Da'wata al-Muslim Mustajabah, no. 3383. Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, Bab Fadl al-Hamidain, no. 3800.

³⁹ Al-Tirmizi, *Sunan al-Tirmizi*, Kitab al-Da'awat, Bab, no. 3468, (Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashri wa al-Tawzi', t. t.), 787-788.

⁴⁰ Al-Makki, *Qut al-Qulub*.

⁴¹ Al-Tirmizi, *Sunan al-Tirmizi*, Kitab al-Da'awat, Bab , no. 3462, (Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashri wa al-Tawzi', t. t.), 787.

⁴² Al-Makki, *Qut al-Qulub*.

⁴³ Muslim, *Sahih Muslim*, Bab Fadl al-Tahlil wa al-Tasbih wa al-Du'a, jil. ke-5 (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy, t.t.), 2072.

⁴⁴ Zikir Tarekat Naqshabandiyah al-Qadiriyah

	<p style="text-align: right;">لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ وَلَا حُوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ⁴⁶ لَا إِلَهَ إِلَّا الْمَلَكُ الْحَقُّ الْمَبِينُ⁴⁷ مَا شَاءَ اللَّهُ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَتَقْسِ عَدَدَمَا وَسَعَةً عِلْمُ اللَّهِ⁴⁹</p>
Selawat	<p style="text-align: right;">اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَآلَ إِبْرَاهِيمَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَآلَ إِبْرَاهِيمَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ⁵⁰</p> <p style="text-align: right;">الله صل على محمد و ال محمد و اهدي من عندك وأفضل علي من فضلك وانشر على من رحمتك و انزل علي من بركتك⁵¹</p> <p style="text-align: right;">الله صل على محمد عبده ونبيك ورسولك النبي الأمي⁵²</p> <p style="text-align: right;">الله صل على سيدنا محمد وعلى اهله وصحبه وسلم⁵³</p> <p style="text-align: right;">الله صل على سيدنا محمد النبي الأمي وعلى اهله وصحبه وسلم⁵⁴</p> <p style="text-align: right;">الله صل وسلم وبارك على محمد وعلى اهله في كل لمحه ونفس عدد ما وسعه علم الله⁵⁵</p> <p style="text-align: right;">اللهم اني أسألك بثور وجه الله العظيم الذي ملا أركان عرش الله العظيم وفأمت به عوالم الله العظيم أن تصلى على مولانا محمد ذي القدر العظيم وعلى الباقي الله العظيم يقدر عظمته ذات الله العظيم في كل لمحه ونفس عددهما في علم الله العظيم صلاة دائمه بذوق الله العظيم تعظيمًا لحقه يا مولانا يا محمد يا ذا الخلق العظيم وسلم عليه وعلى الله مثل ذلك واجمع بيته وبيته كما جمعت بين الروح والنفس ظاهرًا وباطنًا يقطنه ومتناً واجعله يارب روحا لذاتي من جميع الوجوه في الدنيا قبل الآخرة يا عظيم⁵⁶</p>
Al-Asma' al-Husna	<p style="text-align: right;">الرحمن الرحيم الملك الق EOS السلام المؤمن المهيمن العزيز الجبار المتكبر الحالق الباري المصور الغفار القهار الوهاب الرزاق الفتاح العليم القابض الباسط الخافض الرافع المعز المذل السميع البصير الحكم العدل اللطيف الخير الحليم العظيم الغفور الشكور على الكبير الحفيظ المقیت الحسیب الجلیل الکریم الرفیق المجیب الواسع</p>

⁴⁵ Al-Tirmizi, *Sunan al-Tirmizi*, Kitab al-Da'awat, Bab Ma Ja' fi Fadli al-Tasbih wa al-Takbir wa al-Tahlil wa al-Tahmid , no. 3460, (Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashri wa al-Tawzi', t. t.), 786.

⁴⁶ Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, Kitab al-Da'awat, Bab Fadli al-Tahlil, no. Hadith 6403, (Beirut: Dar Ibn Kathir, 2002), 1595, Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab al-Dhikr wa al-Dua' wa al-Tawbah wa al-Istighfar, Bab Fadl al-Tahlil, wa al-Tasbih wa al-Dua', no. Hadith 2691, (), 1240 dan no. Hadith 2693, 1241. Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, Kitab al-Dua', Bab Ma Yad'u bi al-Rajulu Iza Ashbaha wa Iza Amsa, no. Hadith 3867, (al-Qahirah: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, 1952), 1272

⁴⁷ Al-Makki, *Qut al-Qulub*.

⁴⁸ Al-Makki, *Qut al-Qulub*.

⁴⁹ Zikir Tarekat Ahmadiyah

⁵⁰ Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, Kitab al-Da'awat, Bab al-Solati 'ala al-Nabi, no. Hadith 6357, (Beirut: Dar Ibn Kathir, 2002), ms 1584.

⁵¹ Al-Makki, *Qut al-Qulub*.

⁵² Al-Makki, *Qut al-Qulub*.

⁵³ Zikir Tarekat Qadiriyyah al-Naqsyabandiyah

⁵⁴ Zikir Tarekat Qadiriyyah al-Naqsyabandiyah

⁵⁵ Zikir Tarekat Ahmadiyah

⁵⁶ Selawat 'Azimiyyah dalam Tarekat Ahmadiyah

	الحكيم الودود المجيد الباعث الشهيد الحق الوكيل القوى المتين الولى الحميد المحصى المبدى المعيد المحبى المميت الحي القيوم الواجد الماجد الواحد الصادق قادر المقدير المؤمن المؤخر الأول الآخر الظاهر الباطن الوالى المتعالى البر التواب المنتقم العفو الرؤوف مالك الملك ذو الجلال والإكرام المفسط الجامع الغنى المغنى المانع الضار النافع النور الهدى البديع الباقي الوارث الرشيد الصبور
--	--

Pandangan Pakar serta Cadangan Penambahbaikan

Haji Jahid Sidek mencadangkan anak-anak autistik supaya mengamalkan istighfar dan beberapa ayat-ayat al-Quran seperti surah al-Fatiyah, al-Ikhlas, al-Insyirah dan selawat ke atas nabi. Tambah beliau lagi, ibu bapa juga berperanan sama dengan mempraktikkan ayat-ayat tersebut dengan sebanyaknya. Ibu bapa disarankan untuk membaca surah tersebut diikuti dengan doa seperti “*Ya Allah, Kau mudahkan kerja-kerja belajar budak ini seperti mana kau mudahkan kerja nabi, Ya Allah, Kau ringankan kerja-kerja budak ini seperti mana kau ringankan kerja nabi dan Ya Allah, Kau berikanlah kejayaan sebaik kejayaan budak seperti mana kau berikan sebaik kejayaan nabi dengan berkat surah al-Fatiyah, al-Ikhlas, al-Inshirah dan selawat nabi*”. Bukan itu sahaja, zikir La Ilaha Illallah juga jika dibaca kepada autistik akan memberi kesan yang hebat. Namun, ia memerlukan kesungguhan ibu bapa dan anak itu sendiri. Haji Jahid Sidek juga mencadangkan kepada ibu bapa juga supaya membaca surah al-Insyirah sebanyak 40 kali selama 40 hari terhadap madu untuk diberikan kepada anak-anak autistik. Haji Jahid dikatakan pernah merawat seorang kanak-kanak autistik bersama bapanya. Beliau mengambil pelepas betik sebanyak empat hingga lima batang pelepas dan memukul belakang badan mereka sambil berzikir *Allahu akbar* dan *Laa ilaha illallah*.⁵⁷

Haji Shaifudin Haji Maulup mencadangkan kanak-kanak autistik mengamalkan tahlil yang ada dalam Tarekat Ahmadiyah dan Allahu Allah secara *khafi*. Zikir ini boleh dibaca dengan pelbagai cara seperti 7 peringkat, 7 kali, 7 rentak, atau boleh ditambah kepada 14 atau 21 kali bacaan.⁵⁸ Haji Sa’ari Hussin pula memaklumkan kanak-kanak autistik boleh mengamalkan zikir-zikir yang ada dalam apa-apa jua tarekat sekalipun, namun perlu mendapat keizinan atau ijazah dari guru terlebih dahulu bagi mendapatkan kesan yang baik. Tambah beliau lagi, zikir 15 yang ada dalam tarekat Ahmadiyah boleh dilakukan oleh para ibu, guru atau sesiapa sahaja bagi membantu kanak-kanak tersebut.⁵⁹

Selain itu, Wan Maseri Wan Mohd telah mencadangkan bacaan zikir yang diambil dari al-Asma’ al-Husna untuk diamalkan oleh ibu bapa kanak-kanak autistik. Antaranya ialah⁶⁰

Emosi	Ya Aziz, Ya Qawiy, Ya Matin
Merajuk	Ya Aziz, Ya Qawiy, Ya Matin, Ya Hayyu, Ya

⁵⁷ Haji Jahid, temubual dengan penulis, 17 Januari 2017.

⁵⁸ Haji Shaifudin, temubual dengan penulis, 25 Disember 2016.

⁵⁹ Haji Sa’ari, temubual dengan penulis, 29 Disember 2016.

⁶⁰ Wan Maseri Wan Mohd (Profesor Madya), diambil dalam program Terapi Asmaul Husna untuk Kemahiran Keibubapaan dan Pendidikan Anak Istimewa pada hari Ahad, 8 November 2015, jam 9.00 pagi sehingga 4.00 petang, di Dewan Auditorium, Kompleks Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Malaya.

	Qayyum
Dendam	Ya 'Afuw, Ya Shakur
Tidak toleransi	Ya Shakur, Ya Rahman, Ya Rahim
Lembut	Ya Latif, Ya Halim
Akal	Ya Bari', Ya 'Alim, Ya Hakim, Ya Rashid
Menangis	Ya Salam

Kesimpulan

Kajian ini mengkaji peranan zikir dalam membantu menangani kanak-kanak autistik. Cadangan modul yang diformulasikan merupakan pendekatan alternatif yang dapat membantu dan berupaya memberi kesan yang positif kepada perubahan dan peribadi kanak-kanak autistik sama ada dari aspek pembelajaran, komunikasi mahupun sosial. Kesimpulannya zikir berperanan sebagai terapi yang mampu mengubah tingkah laku kanak-kanak autistik jika dilaksanakan melalui metode dan cara yang betul serta keyakinan yang tinggi kepada Allah S.W.T. Kajian ini perlu diperhalusi lagi pada masa hadapan dengan menumpukan kepada kesan zikir secara kajian eksperimen sebagai bukti hasil penyelidikan yang bersifat ilmiah. Ini secara tidak langsung dapat mengukur kesan perubahan tingkah laku kanak-kanak autistik dari kesemua aspek.

Penghargaan

Penghargaan kepada pihak Universiti Malaya atas geran yang diperuntukkan oleh Postgraduate Research Grant (PPP) - Research (PG226-2015B).

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Abdul Djalil. "Metode dan Amalan Perubatan Alternatif Menggunakan Zikir dan Doa: Kajian Khusus di Kota Surabaya, Indonesia." Tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012.

Adrian D. Sandler et al.. Role of The Pediatrician in Family-centered Early Intervention Services. *Pediatrics* 107, 7, (2001).

Agus Mustofa. *Pusaran Energi Ka'bah*. Sidoarjo: PADMA, 2004.

Al-Bukhari. *Sahih Al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir, 2002.

Al-Tirmizi, *Sunan al-Tirmizi*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashri wa al-Tawzi', t. t..

Gerald. C. Davinson, John Mason Neale dan Ann M. Kring. *Abnormal Psychology*. Ed. ke-9. United States of America: John Wiley & Sons, Inc., 2004.

Haji Ali Haji Mohamed. *Kunci Memahami Tasawuf*. Batu Caves: Masterpiece Publications Sdn. Bhd., 2006.

Hood Mohamad Salleh dan Hasnah Toran. *Do You Know Autism*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012.

Ibn Majah. *Sunan Ibn Majah*. Al-Qahirah: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, 1952.

Ibn Manzur. *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1992, 4:308.

John J. McEachin, Tristram Smith dan O. Ivar Lovaas. Long-Term Outcome for Children With Autism Who Received Early Intensive Behavioural Treatment. *American Journal on Mental Retardation* 97, 4, (1993).

Kamus Dewan. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005.

Liew Ping Yee dan Manisah Mohd Ali. Amalan Program Intervensi Awal Kanak-Kanak Autistik Mengikut Perspektif Ibu Bapa. *Jurnal Pendidikan* 33, (2008).

Al-Makki, Abu Talib Muhammad ibn Abi al-Hasan 'Ali ibn 'Abbas. *Qut al-Qulub fi Mu'amalat al-Mahbub wa Wasf Tariq al-Murid ila Maqam al-Tawhid*. Misr: al-Matba`at al-Maymaniyyah, 1990.

Makmal ASD. Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014.

Marjorie H. Charlop-Christy et al.. Using The Picture Exchange Communication System (PECS) With Children With Autism: Assessment of PECS Acquisition, Speech, Social-Communicative Behavior and Problem Behavior. *Journal of Applied Behavior Analysis* 35, 3, (2002).

Mohd Amzari Tumiran et al.. Adressing Sleep Disoder of Autistic Children with Qur'anic Sound Therapy", *Health* 5, 8A2, (2013).

_____, "Intervensi Tidur Menggunakan Terapi al-Quran dalam Menangani Gangguan Tidur Kanak-kanak Autistik Muslim" dalam *Tajdid in Qur'anic Studies*, ed. Sedek Ariffin, Khadher Ahmad dan Ishak Hj Sulaiman, 225-238. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2014.

Muhammad Nubli Abdul Wahab. *Kit Zikir untuk Remaja Cemerlang*. Kuantan: Universiti Malaysia Pahang, 2015.

Muslim, *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy, t.t..

Sabir Abdul Ghani dan Fadzli Adam. Pemulihan Dadah Menurut Perspektif Agama di Malaysia. *Jurnal Hadhari* 6, 1, (2014).

Sandra L. Harris dan Jan S. Handleman. Age and IQ at Intake as Predictors of Placement for Young Children With Autism: A Four to Six-Year Follow-Up. *Journal of Autism and Developmental Disorders* 30, 2, (2000).

Siti Patonah Mohamad, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff dan Durriyyah Sharifah Hasan Adli. Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran Bagi Golongan Kelainan Upaya Mental: Analisis dari Sumber Tradisi Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri* 8, (2014).

_____, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff dan Durriyyah Sharifah Hasan Adli. Terapi Bunyi Melalui Bacaa al-Quran bagi Mengatasi Emosi dan Kemahiran Motor Pertuturan Kanak-kanak Autistik. *International Journal of Quranic Research* 5, 2, (2015).

Zuraini Yaakub dan Zuliza Mohd Kusrin. Simptom Lazim Remaja Autistic Spectrum Disorders (ASD). *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri* 12, (2016).